

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datuk Mustafa Jabar dilantik semula S-usaha Agung UMNO

Oleh Jamaludin Bakar

KUALA LUMPUR, Sabtu — Majlis Tertinggi UMNO hari ini sebulat suara melantik semula Datuk Haji Mustafa Jabar sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Mesyuarat itu juga melantik semula bekas Ketua Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin sebagai Pengerusi Biro Buruh dan UMNO Malaysia dan menerima semula keahlian bekas Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rak-

yat, Encik Abdullah Majid, sebagai ahli UMNO.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam mengumumkan butir-butir itu selepas mesyuarat MT selama dua setengah jam di Ibu pejabat UMNO, di sini.

Datuk Musa memberi sidang akhbar tersebut bagi menggantikan Datuk Seri Dr. Mahathir yang tidak boleh bercakap kerana dis-erang sakit kerongkong.

Datuk Musa memberitahu, perantikan

semula Datuk Haji Mustafa ini dibuat memandangkan beliau telah menjalankan tugasnya dengan memuaskan.

Datuk Haji Mustafa sebelum ini berulang kali mengumumkan hasratnya untuk mengundurkan diri dari memegang jawatan tersebut bagi memberi peluang kepada orang lebih muda lagi.

Bagaimanapun, beliau menyebut akan mematuhi keputusan parti, jika khidmatnya masih diperlukan.

"Saya mematuhi keputusan parti dan pucuk pimpinan," kata beliau kepada Berita Minggu selepas perantikan tersebut.

Mengenal penyertaan semula Encik Abdullah Majid, Datuk Musa berkata, MT membuat

keputusan tersebut dengan sebulat suara dan begitu juga dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang.

Bagaimanapun, MT tidak dapat membuat keputusan mengenai kedudukan bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abdullah Ahmad memandangkan Badan Perhubungan UMNO Kelantan belum mengadakan mesyuarat lagi.

Kedua mereka

dipecat dari menjadi ahli UMNO pada tahun 1978 setahun selepas ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan pro komunis.

Datuk Musa yang juga Timbalan Perdana Menteri memberitahu bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir telah memberi taklimat mengenai kunjungan beliau di Bangsa-Bangsa Bersatu di samping menerangkan lawatannya ke Fiji dan Papua New Guinea.



Datuk Haji Suhaimi



Datuk Haji Mustafa Jabar